



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### ZIARAH KASIH LAGENDA BOLA SEPAK NEGARA PERKUKUH SEMANGAT PERPADUAN

---

**KUALA LUMPUR, 15 Oktober 2023** – YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara turun **menyantuni dan menziarahi lagenda bola sepak negara disamping menyampaikan sedikit sumbangan** buat mereka bersempena dengan Karnival UNITI Pestabola Merdeka Kuala Lumpur 2023. Turut sama YBhg. Datuk Haji Hamidin Haji Mohd Amin, Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berserta rombongan dan wakil daripada Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB).

Karnival yang menjadi tarikan utama ini membuktikan bahawa dalam meraikan perpaduan, **kita tidak boleh melupakan lagenda-lagenda yang pernah membawa nama negara ini ke peringkat antarabangsa**. Karnival UNITI Pestabola Merdeka 2023 bukan sahaja bertujuan menyatupadukan masyarakat tetapi juga sebagai **usaha untuk terus memperingati sejarah bola sepak Malaysia dengan cara yang bermakna, iaitu dengan mengadakan Ziarah Kasih**. Dalam merayakan warisan bola sepak Malaysia, karnival ini tidak hanya sekadar satu acara sukan, tetapi juga **satu penghormatan kepada lagenda-lagenda bola sepak Malaysia** yang telah mengukir nama negara di persada dunia.

Ziarah Kasih adalah salah satu **aspek utama bagi menghargai lagenda-lagenda bola sepak negara, mengenang jasa-jasa mereka, dan mengetahui lebih lanjut mengenai sumbangan mereka**. Program ini menuntut agar kita menghargai dan memahami sejarah bola sepak Malaysia sekali gus **memberi peluang kepada generasi muda untuk belajar mengenai jasa-jasa lagenda-lagenda tersebut serta mewarisi semangat kebangsaan dan komitmen kepada sukan**. Karnival ini menghimpunkan harapan agar ia dapat **menyuntik semangat cinta kepada bola sepak Malaysia, menjalin perpaduan dalam kalangan rakyat**, dan menjadikan Pestabola Merdeka Kuala Lumpur 2023 lebih bermakna.

Antara lagenda bola sepak yang terlibat dalam program Ziarah Kasih ini adalah:-

#### i. **KHALID ALI**

- Umur: 66 tahun
- Pencapaian: Sukan Olimpik Moscow 1980, Sukan SEA Manila dan Sukan SEA Singapura
- Masalah kesihatan yang dihidapi: Kanser paru-paru
- Alamat: No.1, Jalan AU4/9D, Taman Sri Keramat Tengah, 54200 Kuala Lumpur

## ii. P. DARMALINGGAM

- Umur: 62 tahun
- Pencapaian: Sukan Asia Delhi 1982 dan Sukan Asia Korea 1986
- Masalah kesihatan yang dihadapi: Stroke
- Alamat: 11 Lorong Mesra 7, Taman Chi Liung, Pandamaran, 42000 Klang, Selangor

## iii. S. PUSHPANATHAN

- Umur: 68 tahun
- Pencapaian: Sukan Olimpik Moscow 1980, Sukan Asia Delhi 1982 dan Sukan Asia Manila 1981
- Masalah kesihatan yang dihadapi: Usus bengkok
- Alamat: 2/142, Jalan Udang Ketak, Taman Sri Segambut, 52000 Kuala Lumpur

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara menyatakan harapan agar Karnival UNITI sempena Pestabola Merdeka Kuala Lumpur 2023 ini akan **menjadi satu detik kebanggaan, di mana kita bersama-sama mengenang jasa-jasa legenda-legenda bola sepak Malaysia** yang telah membawa nama negara ini ke peringkat dunia.

“Sukan dan perpaduan adalah mesin **kekuatan yang membantu menyatukan rakyat** dalam kepelbagaian. Karnival seumpama ini merupakan peluang kita untuk **merayakan sejarah bola sepak Malaysia dan mengingatkan kita akan peranan yang dimainkan oleh legenda-legenda dalam pembentukan negara.** Melalui acara ini, kita membuktikan bahawa **perpaduan adalah jalan kita menuju kejayaan bersama dan terus memperkukuh ikatan kebangsaan** dan membawa Malaysia ke arah yang lebih cemerlang,” ujar YBhg. Datuk Azman.

Ayuh rakyat Malaysia kita kukuhkan semangat perpaduan negara, bersama-sama menggema satu suara, bersatu hati yang berkongsi semangat kesukanan, dan masyarakat yang bersatu padu.

## Kementerian Perpaduan Negara

15 Oktober 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)  
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )